

Research Article

Menyelesaikan Masalah Tidak Mengenal Huruf Abjad (KP123) yang Kritikal atau Buta Huruf di Kalangan Murid Pemulihan Khas Bahasa Melayu Tahun 2 dan 3 Menggunakan Inovasi 4 in 1 H3S di SK Karamunting, Sandakan

Felicia Binti Michael^{1*}

¹ Felicia Binti Michael; cikgufeli@gmail.com

* Correspondence: cikgufeli@gmail.com; 012 8349106

Abstrak: Di kalangan murid-murid pemulihan khas tahun 2 dan 3 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di Sk Karamunting Sandakan. Angka murid buta huruf mencapai 54 orang pada tahun 2022. Mengenal huruf abjad menggunakan kaedah ini lebih mudah diingat berbanding kaedah carta biasa. Inovasi ini mengandungi 4 elemen bertemakan Situ, Sana Sini. Tema ini bersinonim dengan kaedah pelaksanaan inovasi yang melibatkan 3 ruang iaitu bilik pemulihan khas, bilik darjah dan rumah murid. 4 elemen inovasi ini terdiri daripada bahan mengenal huruf, bahan menulis huruf, latihan pengukuhan bertulis dan ujian penguasaan. Keistimewaan lain Inovasi ini ialah ia dapat dipelajari secara manual dan digital. Aktiviti PDPC menggunakan kaedah ini dijalankan selama 3 bulan keatas 15 orang murid pemulihan khas tahun 2 untuk fasa 1. Pengumpulan dan analisis data melalui ujian pra dan pasca menggunakan soalan Diagnostik (lisan) dan pemerhatian tidak berstruktur untuk mengukur keberkesanan inovasi. Hasil dapatan fasa 1 menunjukkan 12 daripada 15 orang murid tahun 2 dapat mengenal dan menulis 27 huruf apabila diuji semula dalam ujian pasca. Pelaksanaan fasa 2 kemudian dibuat keatas 39 orang murid tahun 2 dan 3 dalam jangka masa yang sama selepas fasa 1. Hasilnya 33 dari 39 orang murid dapat mengenal dan menulis 27 huruf apabila diuji semula dalam ujian pasca fasa 2. Lebih membanggakan lagi apabila 9 daripada 45 orang murid pemulihan fasa 1 dan 2 buta huruf yang berjaya dipulihkan menggunakan inovasi 4 in 1 H3s juga melepasi ujian IPP2M (boleh membaca dengan lancar) dan balik ke kelas perdana pada Ogos 2022. Penambahbaikan difikirkan bagi inovasi ini dari segi aplikasi telefon pintar untuk pelaksanaan pembelajaran digital agar tidak terbatas pada ruang dan masa. Murid lebih meminati kaedah ini kerana huruf mudah diingat. Inovasi ini mempunyai nilai komersial yang baik di kalangan guru-guru, ibubapa dan orang awam kerana ianya murah dan mudah serta cepat diperolehi. Kesimpulannya, inovasi ini telah membantu 45 dari 54 murid buta huruf di SK Karamunting Sandakan pada tahun 2022.

Kata Kunci: 4 in 1 H3s, Situ Sana Sini, huruf abjad, pemulihan khas



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Inovasi 4 in 1 H3s yang membawa maksud Huruf situ, sana, sini adalah sebuah program yang tercetus hasil daripada isu kajian tindakan saya di SK Karamunting Sandakan pada Mac 2022 berkenaan masalah murid buta huruf yang terlalu ramai sehingga menjangkau hampir 60 orang

murid dari tahun 2 dan 3. Pengisian program intervensi H3s ini melibatkan pentadbir, guru pemulihan, guru Bahasa Melayu Tahun 2 dan 3 serta ibubapa/penjaga murid. Secara ringkasnya program 4 in 1 H3s adalah seperti berikut.

Pertama

(Murid belajar bahan 4 in 1 H3s yang terdapat di Kelas pemulihan dan di bilik darjah dengan bimbingan guru pemulihan dan guru matapelajaran)

Kedua

(Murid belajar bahan 4 in 1 H3s yang terdapat di rumah dengan bimbingan ibubapa)

Kedua

(Murid belajar bahan 4 in 1 H3s yang terdapat di bilik darjah dengan bimbingan rakan sebaya dari aras perdana)


Ini bermakna murid sentiasa berdampingan dengan bahan 4 in 1 H3s sepanjang masa dalam tempoh intervensi dan bahan 4 in 1 H3s ini mempunyai ciri-ciri inovasi yang dapat membantu murid belajar dengan cepat malah mudah dikendalikan oleh orang yang membimbing.

Inovasi 4 in 1 H3s dapat dikenali juga sebagai 4 dalam 1 iaitu pertama, mengandungi bahan mengenal abjad, Kedua, bahan menulis abjad. Ketiga, bahan pengukuhan lisan dan bertulis dan keempat ujian penguasaan abjad untuk tujuan pentaksiran. Tempoh maksima masa intervensi ialah 3 bulan.


Program inovasi 4 in 1 H3s telah memberi impak yang ketara kepada peningkatan jumlah murid celik huruf di SK Karamunting kerana 47 dari 54 murid buta huruf yang mengikuti program pemulihan telah berjaya dipulihkan. Malahan 3 buah sekolah lain di Daerah Sandakan yang mempraktikkan inovasi 4 in 1 H3s iaitu SK Sg Manila, SK Ulu Dusun dan SK Sg Padas juga menghadapi impak yang sama ke atas murid-murid buta huruf di sekolah mereka. Diharapkan program ini dapat ditambahbaik dan diteruskan lagi di masa-masa yang akan datang disamping dapat menjadi contoh amalan terbaik kepada guru-guru pemulihan khas lain di daerah Sandakan mahupun daerah-daerah lain di Sabah yang mempunyai isu yang sama dalam menangani murid buta huruf.

2. KAEDAH DAN BAHAN

This project uses the modified Waterfall approach, starting from the requirements gathering and analysis phase, then the design and development phase, and lastly, the functional testing. This method was selected because, according to Salve et al. (2018), this model is appropriate for smaller projects with defined requirements. Figure 1 below shows the summary of the applied research methodology approach.



Rajah 1



Rajah 2

Jadual 1

BIL	BAHAN
1	Cetak Modul 1. LATIHAN BERFOKUS H3S (62 MUKASURAT)
2	Cetak BBM 1. Mengenal huruf -2 set 2. Menulis huruf – 1 set
3	Alat tulis Murid 1. White board marker (merah sahaja) 2. pemadam whiteboard saiz kecil
4	BAHAN SOKONGAN BBM 1. Double sided tape (1 dozen) 2. plastik laminat (2 rim) 3. Kertas A4 1 rim 4. Refill ink Epson 664 (1 set) 5. Ring file (30 biji)

3. DAPATAN



Rajah 3



Rajah 4

4. PERBINCANGAN

Selepas pelaksanaan Inovasi 4 in 1 H3s dalam PDPC 12 orang murid fasa I, 33 orang murid fasa II dan 2 orang fasa III berjaya menguasai 26 huruf lebih kurang dalam tempoh 3 bulan yang membolehkan mereka mengalami kemajuan dalam membaca perkataan bahkan ada yang akhirnya lancar membaca dan melepasi ujian IPP2M dengan markah perolehan 45 dan ke atas. 9 daripada 47 murid yang telah menguasai huruf melalui program intervensi 4 in 1 H3s sepanjang tahun 2022 telah berjaya kembali belajar di kelas perdana.

4.1 Isu/Masalah Yang Ditangani Oleh Inovasi

i. Guru

- i. Tempoh masa yang berbulan-bulan memulihkan murid untuk menguasai huruf dengan cepat dapat dikurangkan.

Sebelum kami melaksanakan program ini, unit pemulihan khas mengambil masa yang lama untuk proses pemulihan seorang murid buta huruf menguasai abjad menyebabkan mereka lambat membaca. Dengan memperkenalkan inovasi 4 in 1 H3s 80 peratus murid buta huruf dapat dipulihkan dalam masa lebih kurang 3 bulan.

- ii. Penggunaan masa dan tenaga menyediakan BBM untuk penguasaan abjad dijamin.

Dengan adanya 4 elemen yang terkandung dalam inovasi H3s saya telah menyiapkan bahan-bahan penting dalam pengajaran abjad termasuklah dalam kemahiran mengenal, mengecam, menyebut dan menulis huruf. Maka saya telah menjimatkan masa dan tenaga dalam penyediaan BBM untuk kemahiran ini setiap hari.

- iii. Guru sebagai pemudahcara.

Bahan-bahan inovasi 4 in 1 H3s sangat mudah difahami oleh murid dan sesiapa pun yang membimbing murid menggunakan bahan ini. Saya hanya menunjukkan tunjuk cara sekali sahaja dan selepas itu murid boleh melakukannya sendiri atau berpasangan dan saya hanya bertindak menyelia sahaja.

iv. Panduan kepada Ibubapa/penjaga sebagai pembimbing di rumah.

Dengan keistimewaan bahan-bahan inovasi 4 in 1 H3s yang sangat mudah difahami oleh murid dan sesiapa pun yang membimbing murid menggunakan bahan ini maka ia telah menjadi sumber pengajaran dan panduan juga kepada ibubapa atau penjaga murid semasa di rumah.

v. Penggunaan sumber pembelajaran.

Inovasi 4 in 1 H3s ini menyokong sumber pembelajaran sedia ada seperti buku teks dan modul murid yang dibekalkan oleh kementerian. Maka penggunaan sumber pembelajaran dapat dimaksimakan bersama Inovasi 4 in 1 H3s.

vi. Peningkatan nilai profesionalisme keguruan.

Wujud kesedaran dalam diri saya sebagai guru pemulihan haruslah kreatif dan inovatif ketika mengajar di dalam kelas dan guru besar sebagai pentadbir dalam isu keprihatinan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.

vii. Mengeratkan hubungan guru dan murid.

Murid-murid belajar dengan seronok, penuh minat serta menumpukan sepenuh perhatian kepada pembelajaran disamping saya dapat merasakan hubungan antara guru dan murid yang semakin akrab.

ii. Murid

i. Mengenal 26 huruf dalam tempoh 3 bulan.

Tempoh masa murid menguasai huruf adalah lebih kurang dalam tempoh 3 bulan menggunakan inovasi 4 in 1 H3s. Sebagai contoh, dalam fasa pertama pelaksanaan intervensi H3s, 12 dari 13 murid buta huruf telah menguasai 26 huruf. Ada diantaranya mencapai tahap penguasaan yang cepat seawal 2 bulan.

ii. Murid cepat membaca.

Melalui analisis data untuk 3 fasa pelaksanaan intervensi H3s, 9 orang murid pemulihan dari tahun 2 dan 3 telah melepasi ujian saringan IPP2M pada ogos 2022. Bermakna 9 orang murid ini telah lancar membaca sehingga kemahiran pemulihan KP30. Mereka dibimbing secara berterusan selepas berjaya menguasai huruf menyebabkan mereka boleh cepat membaca.

ii. Peningkatan yang baik dari segi disiplin dalam bilik darjah.

Murid mematuhi peraturan dengan adanya pengenalan sistem ganjaran dan dendaan yang dikenakan dalam inovasi 4 in 1 H3s. Murid tidak lagi sering keluar kelas, mengganggu rakan sebaya, tidur, bersikap malas ataupun melawan kata-kata guru.

iii. Mutu tulisan yang semakin baik.

Bahan menulis dalam inovasi 4 in 1 H3s telah meningkatkan mutu tulisan murid yang sebelum ini buruk dan tidak mengikut tertib. Bahan tersebut mempunyai keunikannya tersendiri yang sangat membantu murid dalam kesukaran menulis.

iv. Keprihatinan ibu bapa kepada anak-anak mereka ditingkatkan.

Saya terharu semasa penyerahan profil PBD murid pada 21 september 2022 yang lalu. Ibubapa sangat gembira dan berterima kasih dengan inovasi yang saya kongsi untuk anak-anak mereka kerana bahan itu dapat dipelajari di sekolah dan juga di rumah dengan mudah. Mereka memuji hasil usaha guru pemulihan dan guru besar sebagai pentadbir yang menyokong penuh usaha untuk mengajar anak-anak mereka dengan bersungguh-sungguh. Mereka menjadi semakin bersemangat untuk menjadikan anak-anak mereka cepat menguasai huruf dan seterusnya lancar membaca.

5. KESIMPULAN

Kesimpulannya, Inovasi 4 in 1 H3s telah dapat membantu mempercepatkan proses penguasaan kemahiran abjad di kalangan 47 orang murid buta huruf di SK Karamunting dan beberapa buah sekolah di daerah Sandakan sepanjang tahun 2022. Pelaksanaan intervensi ini dijangka akan diperkasakan lagi untuk tahun 2023 ini dengan penambahbaikan ke atas bahan inovasi yang lebih relevan dengan keupayaan murid dan ibubapa mahupun guru hasil dari refleksi kami sepanjang pelaksanaan tiga fasa di tahun 2022.

Penghargaan: Guru Besar, En. Awang Bin Mahali, Penolong Kanan Kurikulum, En. Habib Abdul Rahman Bin Habib Mahmud, Penolong Kanan Petang, Puan Sabaria Abidin Guru penyelaras PLaN, Puan Rose Merah Bt Abu Bakar Guru penyelaras PBD, Puan Nurul Ezaty Binti Baharuddin Guru-guru Matapelajaran Bahasa Melayu Tahun 2 dan 3, Ibu bapa murid Tahun 2 dan 3, Semua guru dan pihak pentadbiran Yang terlibat secara tidak langsung dalam program intervensi H3s 2022. Tidak lupa kepada Pegawai-pegawai pemulihan khas sector Pembelajaran PPD Sandakan dan Majlis Guru pemulihan Khas Sandakan.

Rujukan

Baxter, P. & Jack, S. (2008). Qualitative Case study Methodology. Study Design and Implementation for Novice Researchers. *The Qualitative Report*. 13(4), 544-559. Ms 64-69

Buku Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas; Kementerian Pendidikan Malaysia; 2019. Ms 23--40

Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 2 Jilid 1 Dan 2; Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur; Mat Ariffin Bin Ismail Et. Al Ms 2-4

Dr. Amir Bin Salleh @ Mohd Salleh. (2008). Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga. Penerbitan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Ms 211-215

Kamaruddin Hj Husin (1997). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Ms 23-28

Maslow, A.H (1970). *Motivation and personality*. New York: Harper & Row. Ms 66

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia. Ms 78-101

Mohd Ali Hassan (2004) *Utusan Online*. Ms 14

Mohd Izzudin, Mohd Faez, et. al (2016) *Dinamika Guru*, Kajang: KUIS Ms 198

Noraziah Abdul Hamid (1981) *Alatan mengajar dalam pengajaran bahasa, kertas kerja seminar perguruan* . jurnal Universiti Malaya: 28-30 Dis 1981:2-11

Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi. Et. al (2015). *Strategi implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Ms 84

Yin,r.k (2003).*Case study reseach Design and methods* (3rd ed) Thousands Oaks.OA;Sage. Ms 80